



KEPIMPINAN PASUKAN BERPRESTASI TINGGI



BUTIRAN PROGRAM

FAKULTI	TARIKH/MASA	YURAN *	MOD LATIHAN
Wan Hamiza	5 - 6 November 2026 9.00AM - 5.00PM	RM3,200 USD800 <small>Yuran program boleh dituntut sepenuhnya (100%) di bawah skim HRD Corp. Tertakluk kepada terma dan syarat.</small>	Secara Bersemuka @ Asia School of Business

Nota: *

- Tidak termasuk Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) 8%.
- Yuran tidak termasuk penginapan di ASB Residential (Kediaman ASB) bagi peserta luar kawasan / luar negara; namun penginapan boleh diuruskan dengan kos tambahan.
- Harga dalam USD adalah harga anggaran sahaja. Semua yuran akan diinvois dalam Ringgit Malaysia (RM). Amaun dalam USD dipaparkan sebagai rujukan sahaja dan tertakluk kepada kadar pertukaran semasa pada tarikh pembayaran.

Gambaran Keseluruhan Program

Program dua hari ini direka untuk membantu pemimpin dan pengurus membina, memimpin dan mengekalkan pasukan berprestasi tinggi dalam persekitaran organisasi yang dinamik. Banyak organisasi mempunyai individu berprestasi tinggi, namun tidak semua mampu berfungsi sebagai satu pasukan yang padu. Program ini memberi penekanan kepada pemahaman dinamik pasukan, faktor yang menghalang prestasi, serta pendekatan praktikal untuk mewujudkan kesepaduan pasukan yang berfokus kepada matlamat bersama.

Sepanjang program, peserta akan meneroka model dan kerangka kepimpinan pasukan termasuk lima disfungsi utama pasukan serta konsep prestasi berasaskan *Skill dan Will*. Melalui perbincangan interaktif, kajian kes dan latihan praktikal, peserta akan diperkasa dengan kemahiran untuk meningkatkan motivasi, akauntabiliti dan keberkesanan pasukan bagi mencapai hasil organisasi yang mampan.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir program ini, peserta akan dapat:

- Membina dan mengekalkan model pasukan berprestasi tinggi.
- Mengenal pasti serta mengatasi halangan utama kepada prestasi pasukan.
- Mengurus kepelbagaian ahli pasukan dengan lebih yakin dan strategik.
- Mengaplikasikan konsep ***Skill dan Will*** dalam mengurus prestasi individu dan pasukan.
- Menggunakan perbualan berimpak tinggi untuk meningkatkan motivasi dan akauntabiliti.
- Memupuk komitmen pasukan ke arah tujuan bersama organisasi.

Siapa Yang Perlu Hadir

Program ini sesuai untuk:

- Pengurus dan pemimpin peringkat pertengahan hingga kanan.
- Ketua jabatan, penyelia dan bakal pemimpin pasukan.
- Usahawan dan pemilik perniagaan yang mengurus pasukan.
- Profesional yang ingin meningkatkan keberkesanan kepimpinan pasukan dan prestasi organisasi.

Rangka Program

Hari Pertama

Modul 1: Minda Kepimpinan Berteraskan Tujuan

- Mentakrif kepimpinan berasaskan impak, tujuan & nilai.
- Kepimpinan melangkaui jawatan, purpose-driven leadership.
- Hubungan tujuan & prestasi.
- Tenaga kepimpinan peribadi, sejajar dengan organisasi.

Modul 2: Mitos Kepimpinan & Realiti Organisasi

- Kenal pasti kepercayaan & andaian yang mengekang prestasi.
- Mitos lazim, andaian penghalang prestasi, bias kepimpinan mencabar status quo.
- Perbincangan Myth vs Reality.

Modul 3: Membina Asas Pasukan Berprestasi Tinggi

- Memahami peranan pemimpin & dinamik pasukan.
- Pemimpin sebagai arkitek pasukan.
- Ciri pasukan berprestasi tinggi.
- Ekosistem & kitaran perkembangan pasukan, pengurusan kepelbagaian.
- Pemetaan ekosistem pasukan.

Modul 4: Mengatasi Disfungsi & Membina Kepercayaan Pasukan

- Mengenal pasti halangan & membina keselamatan psikologi.
- Lima disfungsi pasukan.
- Strategi membina kepercayaan, keselamatan psikologi, diagnostik kesihatan pasukan.
- Team diagnostic & pelan tindakan awal.

Hari Kedua

Modul 5: Memahami Prestasi melalui *Skill-Will*

- Asas pengurusan prestasi individu & pasukan.
- Prestasi & faktor pengaruh, *Skill vs Will*.
- Matriks *Skill-Will*.
- tahap kesediaan ahli, intervensi kepimpinan.
- Pemetaan ahli pasukan dalam matriks *Skill-Will*.

Modul 6: Memacu Motivasi & Penglibatan Pasukan

- Mengurus motivasi untuk prestasi tinggi.
- Pemacu motivasi, punca kemerosotan, peranan pemimpin, teknik *engagement*, mengurus prestasi rendah.
- Analisis kes motivasi pasukan.

Modul 7: Perbualan Berimpak Tinggi untuk Prestasi

- Komunikasi strategik dalam pengurusan prestasi.
- Prinsip powerful conversations.
- Teknik soal jawab, maklum balas membina, perbualan sukar.
- *Coaching* prestasi.
- *Role play* perbualan prestasi.

Fakulti



Dr. Wan Hamiza merupakan seorang pakar pendidikan dan jurulatih kepimpinan bertauliah dengan pengalaman melebihi 28 tahun dalam pelbagai jawatan akademik dan pentadbiran di universiti swasta serta program pendidikan eksekutif. Beliau memegang ijazah Ph.D. dalam Kejuruteraan (Pendidikan) dari University of Newcastle, Australia; M.Sc. dalam Kejuruteraan Mekatronik dari IIUM; serta Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kepujian) dari University of Western Australia.

Sepanjang kerjayanya, Dr. Wan telah menggalas pelbagai tanggungjawab kepimpinan kanan, termasuk sebagai Pensyarah Kanan, Prinsipal, Jurulatih Korporat, Ketua Jabatan Kurikulum, Ketua Jabatan Akademik, Timbalan Pendaftar, serta Pengarah Jaminan Kualiti & Pamatuhan. Kepelbagaian portfolio ini memberikan beliau kepakaran mendalam dalam bidang kepimpinan, pengurusan strategik, pembangunan program, penilaian akademik, dan akreditasi.

Beliau juga berpengalaman sebagai fasilitator untuk program pensijilan Train-the-Trainer HRD, memiliki pensijilan DACUM dan SCID dari Ohio State University (2009), serta jurulatih CUDBAS bertauliah dari Kementerian Sumber Manusia. Dr. Wan juga fasilitator pelbagai program kepimpinan eksekutif berimpak tinggi seperti Maybank M25UP (50 kohort), Emerging Leaders Program, dan inisiatif pembangunan pemimpin lain dari sektor perbankan, kerajaan, dan swasta.

Di samping itu, Dr. Wan aktif dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) berfokuskan industri, termasuk projek ESG dan pembangunan kapasiti bersama Sarawak Energy yang selaras dengan PCDS 2030. Beliau pernah dianugerahkan Best Research Presentation oleh University of Newcastle dan MARA Outstanding Educator Award. Beliau juga merupakan Ahli Profesional Lembaga Teknolog Malaysia (MBoT) sejak tahun 2018.



Asia School of Business (DU046(W))

Iclif Executive Education Center

ASB Academic, No 11, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur

Email: beep@asb.edu.my / ExecEd@asb.edu.my

exec.asb.edu.my



[asbiclif](#)



[@asb.iclif](#)



[asbiclif](#)



[asb iclif](#)

SCAN ME



Kepimpinan Pasukan
Berprestasi Tinggi

